

PM yakin pengganti tidak ubah dasar

Oleh Mohd Shah Abdullah

P

B.H 16 NOV 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin bakal penggantinya tidak akan melakukan perubahan radikal terhadap dasar pentadbiran negara dan terus bekerja sebagai satu pasukan kepemimpinan yang padu.

Perdana Menteri berkata, perubahan mungkin berlaku dalam gaya kepemimpinan, tetapi dasar negara yang sedia ada akan terus dikekalkan serta dipertahankan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Menurut beliau, dasar sekarang terbukti berjaya dan diterima umum, termasuk mereka yang satu ketika dahulu pernah mengkritik kerajaan secara terbuka danantang.

"Kita peka dengan perasaan rakyat dan oleh itu sentiasa berhati-hati dalam setiap pendekatan yang hendak diambil. Kita akan terus bekerja sebagai satu pasukan sehingga matlamat Wawasan 2020 dicapai," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam sesi soal jawab selepas merasmikan persidangan *Malaysia: Powerhouse of the 90's*, di sini, hari ini.

Tun Abdul Razak Hussein dan Allahyarham Tun Hussein Onn sehingga ke zaman beliau, kecuali gaya pentadbiran saja.

Secara berseloroh, Dr Mahathir berkata, jika penggantinya itu kelak melakukan perubahan yang dianggap radikal, beliau bersedia menegur tindak-tanduknya itu.

"Saya harap pengganti saya nanti memahami dan peka dengan apa yang kita sama-sama percayai dan yakin sekarang ini," katanya.

Persoalan pengganti kepada beliau itu adalah kali kedua dibangkitkan oleh peserta dalam satu persidangan besar. Sebelum ini, dalam satu persidangan anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Dr Mahathir pernah diajukan soalan serupa itu.

Perdana Menteri dilaporkan sebagai berkata, negara tidak akan menghadapi sebarang bencana besar selepas ketiadaan beliau kerana yakin penggantinya kelak mampu meneruskan cita-cita kerajaan dalam masyarakat berbilang kaum.

Beliau juga ditanya oleh seorang usahawan Filipina mengenai hubungan kedua-dua negara,

Persidangan peluang perdagangan dan pelaburan di Malaysia itu dianjurkan bersama oleh akhbar *International Herald Tribune*; Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis).

Peserta berkenaan bertanya mengenai kedudukan pentadbiran dan kepemimpinan negara selepas beliau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri.

Sebanyak 14 soalan dikemukakan dalam sesi itu.

Dr Mahathir berharap tokoh selepas beliau dapat meneruskan cita-cita dan harapan setiap rakyat yang ada di negara ini.

Perdana Menteri berkata, tidak banyak perubahan dalam dasar kerajaan sejak era pentadbiran Allahyarham Tunku Abdul Rahman; Allahyarham

berikutan sikap negara berkenaan yang masih belum menggugurkan tuntutan terhadap Sabah.

Dr Mahathir berkata, walaupun isu itu belum selesai, Malaysia tetap menjalin hubungan akrab dan membina dengan Kerajaan Filipina pimpinan Presiden Fidel Ramos.

"Saya yakin Kerajaan Filipina tidak akan mengambil sikap untuk berperang dengan Malaysia semata-mata atas isu Sabah itu," katanya.

Menurutnya, kerajaan ketika ini tidak mengangap isu tuntutan Sabah oleh Filipina itu sebagai perkara besar yang boleh menggugat hubungan dua hala.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan struktur politik di negara itu tidak membenarkan satu penyelesaian jitu ter

LIHAT MUKA 2

PM tidak yakin mesyuarat di Seattle

DARI MUKA 1 B.H. 101

hadap masalah berkenaan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia lebih memikirkan aspek positif dalam membina hubungan dua hala itu, termasuk menggalakkan usahawan tempatan menerokai peluang perniagaan di negara berkenaan.

Menjawab pertanyaan mengenai tindakannya untuk tidak menghadiri mesyuarat Perundingan Ekonomi Asia Pasifik (Apec), di Seattle, Amerika Syarikat, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak yakin mesyuarat yang diadakan dalam masa satu hari itu boleh menyelesaikan banyak masalah ekonomi."

Menurutnya, pendiriannya dalam pelbagai isu antarabangsa juga sudah diketahui umum.

Dr Mahathir berkata, beliau juga tidak tahu apa agenda mesyuarat itu, sedangkan terlalu banyak isu yang perlu diketengahkan untuk perbincangan bersama.